

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1992/93

April 1993

PDP 477 - Kaedah Mengajar Sejarah

Masa : [3 jam]

Jawab 4 soalan sahaja.

1. Mengikut Beyer (1971) konsep Kaedah Inkuiri "lebih berorientasikan proses dari kandungan. Ia menekankan konsep dan tidak fakta. Ia berfokuskan murid, bukan guru. Ia aktif, tidak pasif."

Bincangkan satu teknik pengajaran-pembelajaran yang dapat mencerminkan pernyataan di atas.

[25 markah]

2. "Kurikulum sejarah dalam KBSM cuba mengimbangkan di antara domain-domain kognitif dan afektif." Bincangkan pernyataan ini dalam kontek falsafah pendidikan sejarah di Malaysia masa kini.

[25 markah]

3. Sediakan satu Rancangan Pelajaran yang lengkap dengan menggunakan butir-butir berikut:

Tajuk : Kedatangan Islam di Asia Tenggara.
Masa : 40 minit
Tingkatan : IV
Bil. murid : 40 orang

[25 markah]

...2/-

- 2 -

4. Pilih DUA daripada alat-alat bantu mengajar berikut dan bincangkan penggunaannya di dalam pengajaran pembelajaran sejarah:

- (a) Peta sejarah
- (b) Sumber Asli
- (c) Buku teks
- (d) Carta masa

[25 markah]

5. Pengetahuan berhubung dengan pertumbuhan kanak-kanak terutama yang berkaitan dengan penguasaan bahasa dan kefahaman konsep masa adalah penting bagi seseorang guru sejarah. Bincangkan.

[25 markah]

6. Apakah dia "mengajar berpasukan"? Dengan mengambil matapelajaran sejarah sebagai contoh, bincangkan pelaksanaannya di dalam sesebuah sekolah.

[25 markah]

- oooOooo -